

23 FEBRUARI 2018

**Pelawak lelaki ditahan miliki ganja, ambil dadah sjak enam bulan lalu**

## Pelawak lelaki ditahan miliki ganja, ambil dadah sejak enam bulan lalu

Oleh MALINDA ABDUL MALIK

**KUALA LUMPUR** - Seorang pelawak lelaki ditahan selepas polis menemui dadah jenis ganja ketika menyerbu kediamannya di Taman Melati, Wangsa Maju di sini kelmarin.

Penahanan dibuat selepas sepasukan pegawai dan anggota dari Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik Daerah Wangsa Maju menyerbu rumah pemenang tempat keempat program hiburan pada pukul 1.05 petang.

Ketua Polis Daerah Wangsa Maju, Superintendan Mohamad Roy Suhaimi Sarif berkata, suspek berusia 26 tahun itu mengam-



BEG kain mengandungi ganja yang dirampas pihak polis di kediaman seorang pelawak dalam operasi di Taman Melati, Wangsa Maju kelmarin.

bil sendiri satu beg kain berwarna ungu dari bawah meja di ruang tamu rumahnya yang mengandungi leraian daun disyaki ganja.

“Beg kain itu mengandungi

satu botol plastik lutsinar berisi ranting dan daun kering disyaki dadah jenis ganja dianggar seberat 7.5 gram. Pelakon yang berstatus kahwin itu juga

mengaku mengambil dadah sebulan sekali dengan harga RM100.

“Selain itu, suspek memmendapat bekalan ganja daripada seorang individu di Shah Alam, Selangor,” katanya ketika dihubungi semalam.

Tambahnya, siasatan lanjut suspek yang berasal dari Kuala Kangsar, Perak itu mengaku mengambil dadah sejak enam bulan lalu.

Menurutnya lagi, pelawak tersebut kini direman tiga hari bermula semalam bagi membantu siasatan di bawah Seksyen 6 Akta Dadah Berbahaya 1952

“Suspek ditahan di Lokap Berpusat Jinjang untuk siasatan lanjut,” ujarnya.